

- Titian antara tiga menara juga boleh digunakan untuk menjalankan kajian fauna dan fenologi (pembunganan/pembuahan) pokok



Menara dan titian aluminium aloi

- Titian kanopi sepanjang 475 m yang menyambungkan menara aluminium ke sebuah menara kayu.

- Denai alam sepanjang 2.3 km dengan 67 titik pemerhatian yang menampilkan aspek-aspek ekologi dan keindahan hutan

- Arboretum spesies asal hutan Pasoh seluas 2 ha yang mengandungi 874 pokok daripada 279 spesies dan 44 famili yang telah ditandakan dan dipetakan




Denai alam

HUBUNGI

Dr Christine Fletcher (Penyelaras)
E-mel: cdfletch@frim.gov.my
Tel: 03 6279 7177 / 019 320 8280

Renjer Ahmad Awang (Pengurus)
E-mel: ahmad_awang@frim.gov.my
Tel: 06 492 0113 / 013 640 0676



Taman IPPM, 72300 Simpang Pertang, Negeri Sembilan.

Tel: 603 6279 7000 Faks: 603 6272 9852

Web: www.frim.gov.my E-mel: cdfletch@frim.gov.my

Hotline: 603 6279 7000

PASOH

STESEN PENYELIDIKAN FRIM
Program Hutan Asli

PENGENALAN



Pejabat SPF Pasoh

Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Pasoh terletak di Hutan Simpan (HS) Pasoh, Negeri Sembilan (GPS: 2.982 U, 102.313 T) seluas 1840 ha yang diwartakan sebagai Hutan Penyelidikan pada 1977. Pejabat SPF yang dibina pada tahun 1971 ialah hasil kerjasama dengan Universiti Malaya. Stesen ini terletak 7 km dari pekan Simpang Pertang atau tiga jam pemanduan dari Kuala Lumpur melalui lebuh raya utama.

Sebahagian besar Pasoh dilitupi hutan dipterokarpa pamah daripada jenis keruing-meranti merah manakala timur laut hutan ini disempadani hutan bukit dipterokarpa. Kawasan utamanya seluas 600 ha ialah hutan dara manakala di sekelilingnya hutan terpulih (dibalak pada tahun 1950-an) yang bertindak sebagai zon penampang. Rekod kepelbagaiannya flora HS Pasoh mencencang 814 spesies pokok, iaitu 25% daripada keseluruhan spesies pokok di Semenanjung Malaysia. Kepelbagaiannya haiwan mamalia mewakili 56% jumlah keseluruhan di Semenanjung Malaysia manakala 233 spesies burung dan 75 spesies reptilia dan amfibia telah direkodkan.



Biji benih dipterokarpa bersayap

OBJEKTIF

Fungsi utama stesen ini adalah sebagai pusat penyelidikan, latihan dan ekopendidikan yang berteraskan bidang ekologi hutan tanah pamah.



Spesies ular kapak yang biasa ditemui

AKTIVITI PENYELIDIKAN

Kekayaan biodiversiti HS Pasoh merupakan daya tarikan utama yang telah menggantik para penyelidik untuk menjalankan kajian di kawasan ini. Sejarah penyelidikan di HS Pasoh bermula sejak 1961 lagi dengan kajian-kajian dalam bidang silvikultur, ekologi dan kepelbagaiaan fauna. Sejak tahun 1985, dua institusi antarabangsa telah memainkan peranan yang penting dalam membangunkan aktiviti penyelidikan di HS Pasoh-Centre for Tropical Forest Science (CTFS, Amerika Syarikat) dan National Institute for Environmental Studies (NIES, Jepun).



Mengkaji kupu-kupu



Mengukur pereputan kayu

Pelbagai kajian telah dan sedang dijalankan dalam bidang kepelbagaiaan biologi, produktiviti hutan, nutrien tanah, perubahan iklim, fenologi dan pelbagai aspek ekologi dengan kerjasama penyelidik dari dalam dan luar negara. Setiap tahun, Jawatankuasa Penyelidikan Pasoh FRIM menilai dan memantau pelbagai permohonan untuk menjalankan projek penyelidikan di SPF Pasoh.



Kemudahan asrama

KEMUDAHAN

- Bangunan pejabat
- Kemudahan asrama
- Makmal



Kemudahan latihan dan ekopendidikan

- Bekalan air yang dipamkan daripada bawah tanah dan internet
- Petak kekal demografi pokok seluas 50 ha yang ditubuhkan pada tahun 1985.
- Lima petak ekologi kekal seluas 2 ha yang ditubuhkan pada tahun 1971.
- Menara aluminium aloi untuk pemasangan peralatan iklim mikro dan pertukaran karbon



Titian kanopi